

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mendapatkan Great Multi Cancer Care. Pastikan terma dan syarat am telah dibaca.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) ("Syarikat")
Nama Produk : Great Multi Cancer Care
Tarikh : <dd/mm/yyyy>

1. Apakah produk ini?

Great Multi Cancer Care ialah pelan seumur hidup tanpa penyertaan dalam keuntungan yang menawarkan perlindungan insurans kepada hayat yang diasuranskan sehingga umur 85 tahun hari jadi berikut. Pelan ini menyediakan manfaat jika anda meninggal dunia atau didiagnosis dengan kanser peringkat awal hingga peringkat akhir dalam tempoh polisi. Apabila polisi matang, anda akan menerima <150%/100%> daripada premium keseluruhan yang telah dibayar.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah asurans asas bagi pelan ini ialah RM<Basic Sum Assured>.

Pelan ini menyediakan:

i) Manfaat Kanser

Jika hayat yang diasuranskan mengalami kanser, manfaat akan dibayar seperti berikut.

Table with 3 columns: No., Peringkat, and Manfaat yang Dibayar. It lists three stages of cancer: Peringkat Awal (50% benefit), Peringkat Pertengahan (100% benefit), and Peringkat Akhir (100% benefit or full premium).

Nota:

- a) Manfaat bagi setiap peringkat akan dibayar sekali sahaja. Selepas tuntutan dibenarkan, tiada tuntutan masa hadapan boleh dibuat bagi peringkat yang lebih rendah.
b) Manfaat Kanser Peringkat Pertengahan tertakluk pada penolakan amaun tuntutan bagi Manfaat Kanser Peringkat Awal jika Kanser Peringkat Pertengahan didiagnosis dalam masa 6 bulan dari tarikh diagnosis Kanser Peringkat Awal.
c) Jumlah asurans asas yang dibayar bagi Manfaat Kanser Peringkat Akhir tertakluk pada penolakan amaun tuntutan bagi Manfaat Kanser Peringkat Awal jika:
- Kanser Peringkat Akhir didiagnosis dalam masa 3 bulan dari tarikh diagnosis Kanser Peringkat Awal; dan
- Kanser Peringkat Awal pada organ yang sama atau bahagian yang sama bagi pasangan organ.
d) Jika didiagnosis dengan Kanser Peringkat Akhir, premium yang perlu dibayar bagi pelan ini tidak perlu dibayar dan semua manfaat akan dihentikan, kecuali Manfaat Pemulihan Semula.

ii) Manfaat Pemulihan Semula

Jika didiagnosis dengan Kanser Peringkat Akhir, 50% daripada jumlah asurans asas akan dibayar bersama Manfaat Kanser Peringkat Akhir. Tambahan 50% daripada jumlah asurans asas akan dibayar selepas 1 tahun dari tarikh diagnosis Kanser Peringkat Akhir dan kemudian, polisi akan ditamatkan.

iii) Manfaat Pembedahan bagi Membuang Tumor Benigna yang Disyaki Malignan

Jika hayat yang diasuranskan didiagnosis dengan tumor benigna yang disyaki malignan dan menjalani pembedahan secara pemotongan untuk membuang tumor pada organ atau kawasan atau ruang anatomi yang dilindungi di bawah pelan ini, tambahan 10% daripada jumlah asurans asas akan dibayar, tertakluk pada amaun maksimum sebanyak RM25,000 bagi setiap hayat.

iv) Manfaat Kematian

Jika hayat yang diasuranskan meninggal dunia, amaun yang lebih tinggi daripada premium keseluruhan yang telah dibayar tanpa faedah atau nilai tunai akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus.

v) Manfaat Pengebumian

Jika hayat yang diasuranskan meninggal dunia, suatu amaun tambahan akan dibayar bersama Manfaat Kematian seperti berikut:

Table with 2 columns: Tahun Polisi and Manfaat Pengebumian (% daripada Jumlah Asurans Asas). The table is currently empty.

vi) Manfaat Matang

Apabila hayat yang diasuranskan masih hidup sehingga tarikh matang bagi polisi, <150%/100%> daripada premium keseluruhan yang telah dibayar tanpa faedah akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus.

Manfaat di atas tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

Tempoh perlindungan: <Term of Assurance> tahun atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.

**3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?**

- Anggaran premium yang anda perlu bayar bagi pelan ini: RM<Premium> <Premium Mode>
- Tempoh premium: <Premium Payment Term> tahun atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.

Nota:

- i) Premium yang anda perlu bayar dan terma polisi mungkin berbeza mengikut keperluan pengunderaitan Syarikat.
- ii) Kadar premium yang dikenakan bergantung pada umur hari jadi berikut semasa kemasukan, jantina dan status merokok.
- iii) Kadar premium adalah tidak dijamin dan mungkin meningkat pada ulang tahun polisi. Syarikat berhak menyemak semula premium pada ulang tahun polisi dengan memberikan anda notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu. Semakan semula, jika ada, akan menggambarkan pengalaman tuntutan kami atau keadaan lain yang wajar. Perubahan tersebut akan digunakan untuk semua pemilik polisi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan individu.

**4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?**

- Cukai perkhidmatan semasa yang dikenakan kerajaan akan ditambah pada premium yang dinyatakan dalam soalan 3 di atas, bagi premium yang dibayar oleh organisasi perniagaan selain daripada Syarikat.
- Komisen terus keseluruhan adalah amaun yang diterima pengantara untuk jualan polisi ini dan perkhidmatan yang diberi pengantara bagi tempoh polisi anda.
- Komisen terus keseluruhan berbeza mengikut amaun premium (tidak termasuk sebarang premium tambahan).
- Peratusan bagi komisen terus keseluruhan adalah seperti berikut:

<b>Tahun Polisi</b>							
<b>Peratusan bagi Komisen Terus Keseluruhan (%)</b>							

Nota: Bagi amaun komisen terus keseluruhan, sila rujuk pada ilustrasi jualan.

**5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?**

- Kepentingan untuk membuat pendedahan – Anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material seperti keadaan perubatan dan umur dengan betul.
- Tempoh memerhati bebas – Anda boleh membatalkan polisi dengan memulangkan polisi insurans dalam tempoh 15 hari selepas menerimanya. Premium yang telah dibayar (ditolak sebarang bayaran perubatan yang ditanggung) akan dibayar balik kepada anda.
- Tempoh menunggu – Kelayakan bagi Manfaat Kanser dan Manfaat Pembedahan bagi Membuang Tumor Benigna yang Disyaki Malignan hanya akan bermula 60 hari selepas tarikh permulaan risiko atau tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.
- Lien Kanak-kanak – Bagi hayat yang diasuranskan di bawah umur 5 tahun hari jadi berikut, lien kanak-kanak akan dikenakan bagi Manfaat Kanser, Manfaat Pemulihan Semula dan Manfaat Pembedahan bagi Membuang Tumor Benigna yang Disyaki Malignan seperti berikut.

Umur Hari Jadi Berikut	1	2	3	4
Peratusan Jumlah Asurans Asas	20%	40%	60%	80%

- Prosedur tuntutan – Sila layari [greateasternlife.com/my](http://greateasternlife.com/my) bagi maklumat lebih lanjut berkenaan prosedur tuntutan Syarikat.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi terma dan syarat di bawah pelan ini.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?**

- i. Kematian semasa tahun polisi pertama dari tarikh permulaan risiko atau dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian, disebabkan bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
- ii. Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang Manfaat Kanser, Manfaat Pemulihan Semula dan Manfaat Pembedahan bagi Membuang Tumor Benigna yang Disyaki Malignan jika keadaan atau tanda dan gejala berkaitan dengan kanser atau tumor benigna:
  - sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko atau tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian; atau
  - sedia wujud atau telah didiagnosis semasa tempoh menunggu; atau
  - sedia wujud sebelum atau semasa tempoh menunggu yang mungkin menyebabkan seseorang yang berfikir waras untuk mendapat penjagaan atau perhatian perubatan, walaupun keputusan diagnosis mungkin berlaku sebelum atau selepas tempoh menunggu tamat; atau
  - disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV); atau
  - disebabkan kecacatan atau penyakit kongenital secara langsung atau tidak langsung, yang jelas atau telah didiagnosis sebelum hayat yang diasuranskan mencapai umur 17 tahun hari jadi berikut.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan pelan ini?**

Ya, anda boleh membatalkan pelan dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat. Namun, anda tidak dinasihatkan untuk memegang pelan ini dalam jangka masa pendek memandangkan kos permulaan yang tinggi. Membeli polisi hayat adalah satu komitmen jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium semasa tempoh tenggang selama 30 hari, polisi anda mungkin luput melainkan ia mempunyai nilai tunai. Amaun tunai yang dibayar oleh Syarikat apabila anda membatalkan polisi sebelum tempoh matang mungkin berkurangan daripada amaun premium keseluruhan yang anda telah bayar.

**8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya / penama?**

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda / penama bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda / penama dengan sepatutnya.

**9. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan insurans hayat serta insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk [www.mycoverage.my](http://www.mycoverage.my).

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (93745-A)**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Menara Great Eastern  
303, Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur.

Tel : (603) 4259 8888

Faks : (603) 4259 8000

Customer Service Careline : 1300 1300 88

E-mel : [wecare-my@greateasternlife.com](mailto:wecare-my@greateasternlife.com)

**10. Apakah jenis pelan lain yang serupa?**

Sila semak dengan pengantara anda atau terus menghubungi Syarikat bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

**NOTA PENTING:**

**MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS PELAN YANG MEMENUHI KEPERLUAN PERIBADI ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA DIGALAKKAN UNTUK MELANTIK SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA DIMAKLUMKAN BERKENAAN PELAN YANG ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Syarikat atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Untuk maklumat berkenaan pemprosesan data peribadi dan hak anda ke atas data peribadi anda, sila rujuk Notis Perlindungan Data Peribadi yang dipaparkan dalam laman web [greateasternlife.com](http://greateasternlife.com), atau dapatkan salinan dari Pegawai Perkhidmatan kami.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam pemberitahuan produk ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>.